

**NEWS RELEASE
FOR IMMEDIATE RELEASE**



CELCOM MENAMPLIKAN 'SURAT DARIPADA MAK' UNTUK RAKYAT MALAYSIA

Sebuah video web Raya Celcom untuk tujuan amal

KUALA LUMPUR, 22 JUN 2017 – Celcom Axiata Berhad hari ini berbesar hati menampilkan sebuah video web berjudul 'Surat daripada Mak'. Video berdurasi 3 minit tersebut adalah kesinambungan dari kempen bertema Celcom - 'Mak Kata' yang menterjemahkan pengertian nilai-nilai perkongsian, perpaduan keluarga sekaligus mengukuhkan kasih sayang terhadap orang yang disayangi sempena meraikan Aidilfitri.

Disokong oleh rangkaian *Celcom's Lighting Fast LTE*, para pelanggan kini boleh menonton 'Surat daripada Mak' dengan lancar di YouTube dan berinspirasi dengan nilai-nilai perkongsian sederhana semasa musim perayaan ini.

'Surat daripada Mak' memaparkan hubungan antara adik-beradik yang berkongsi semangat yang sama untuk memasak masakan ibunya. Masakan ibu memberi ilham kepada mereka untuk cuba menyediakan beberapa jenis masakan sebagaimana resepi yang digunakan ibu mereka.

Semangat perkongsian turut dizahirkan oleh Celcom, di mana sejumlah RM100, 000 akan didermakan jika video tersebut mencapai lebih daripada 2 juta penonton. Dengan derma yang bakal disalurkan kepada empat buah rumah kebajikan iaitu 'Rumah Jagaan dan Rawatan Orang-orang Tua Al-Ikhlas', 'Pertubuhan Kebajikan Mental Selangor', 'Rumah Kebajikan dan Bimbangan At-Taqwa' dan 'Pusat Kebajikan Jagaan Sri Sai Selangor' .



Azwan Khan Osman Khan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Operasi Perniagaan Celcom Axiata Berhad berkata 'Surat daripada Mak' mengingatkan kita untuk menghargai mereka yang dkasahi.

"Kami amat teruja mempersembahkan video web ini yang menyentuh perasaan dan dekat di hati rakyat Malaysia selari dengan nilai menghargai mereka yang dikasihi khususnya dalam musim perayaan ini. Kami juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya kepada pelanggan-pelanggan kami dan mereka yang lain meraikannya. 'Maaf Zahir Batin', "katanya.

Manakala Azmi Ujang, Ketua Pegawai Sumber Manusia Celcom Axiata Berhad berkata, dengan ingatan kepada mereka yang memerlukan, Celcom berharap usaha ini akan menggalakkan dan mendorong pelanggan untuk berkongsi dan menyemarakkan nikmat dalam memberi.

"Kami mengalu-alukan para pelanggan untuk berkongsi 'Surat daripadaMak' dengan rakan-rakan dan keluarga mereka. Lebih banyak ia dikongsi, dan ditonton, lebih mudah ia akan membantu kami untuk menyalurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Pastikan anda menonton dan video YouTube 'Surat daripada Mak' Celcom dengan rakan-rakan dan keluarga di Aidilfitri ini. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai video 'Surat dari Mak' Celcom, sila layari www.MakKata.com.my

-Tamat-

Mengenai Celcom

Celcom ialah penyedia rangkaian data yang terkemuka di Malaysia, dengan 10.2 juta pelanggan. Ditubuhkan pada 1988, ia menyediakan rangkaian 2G, 3G dan 4G LTE terbesar di negara ini, meliputi lebih 98% daripada penduduk. Sebagai penyedia perkhidmatan jalur lebar mudah alih dan korporat terbesar pada hari ini, Celcom kini menuju ke arah perkhidmatan berbilang akses dan multimedia, sejajar dengan teknologi dan tingkah laku pengguna yang kian berkembang di Malaysia. Budaya yang meletakkan pelanggan di tempat PERTAMA dipaparkan dalam perkhidmatan pelanggan dan produk pemenang anugerah dan kejayaan korporatnya yang lain di peringkat serantau. Celcom ialah sebahagian daripada Kumpulan Syarikat Axiata, salah sebuah syarikat telekomunikasi terbesar di dunia, dengan hampir 300 juta pelanggan di 10 pasaran Asia. Untuk maklumat lanjut mengenai Celcom, layari <http://www.celcom.com.my>

Siaran media diedarkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat Celcom Axiata Berhad. Bagi maklumat lanjut, hubungi Rohizan Ismail @ +60133449690 atau Nurulnadia @ +60193772321 / nurulnadia@celcom.com.my.